

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN  
TUANKU JAAFAR [SANTUBONG]**

**TARIKH : 17.7.2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 70**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan menyatakan apakah perkembangan pembinaan jalan raya di Semilang/Beradek/Tiang Api yang berjumlah RM45 juta dan pembinaan saluran paip dari Batu Kitang, Kuching ke Kawasan Tasik Biru, Lundu dan Sematan dengan bajet RM127 juta yang dilulus pada tahun 2017.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Menaiktaraf Jalan Kebun ke Kg. Beradek Semilang, Sarawak telah diluluskan pelaksanaannya di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas , *Rolling Plan* Kedua (RMKe-11, RP2) tahun 2017 dengan kos keseluruhan berjumlah RM45.0 juta. Skop projek ini adalah menaiktaraf jalan sepanjang 20km dengan spesifikasi JKR R1. Status terkini bagi projek ini adalah di dalam penyediaan rekabentuk oleh pihak perunding. Pada masa kini, proses perlantikan juruukur tanah sedang dilaksanakan secara tender terbuka. Projek dijangka akan ditender pada bulan November 2019.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Bau/Lundu/Semantan Fasa I Bahagian Kuching, Sarawak telah diluluskan pelaksanaannya di bawah RMKe-11, *Rolling Plan Kedua* (RP2) dengan kos siling sebanyak RM127 juta. Projek ini akan dilaksanakan di dalam 3 Fasa pembinaan. Fasa I projek ini bernilai RM40 juta yang melibatkan sebanyak 13 buah kampung yang meliputi sebanyak 2,615 penduduk. Status projek Fasa I adalah didalam peringkat perlantikan perunding dijangka selesai pada suku keempat tahun 2019. Projek dijangka dapat ditender pada suku kedua tahun 2020.